

23/07/1997

Ranariddh tidak jadi hadir

Jamhariah Jaafar; Ebi Azly

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri Pertama Kemboja, Norodom Ranariddh, tidak akan menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Asean (AMM) yang bermula esok, kerana tidak mahu menggugat semangat perayaan Asean ke-30, kata seorang pengikutnya yang berada di sini.

Menurutnya, Ranariddh bagaimanapun akan datang ke Kuala Lumpur selepas ini untuk berjumpa buat kali kedua Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi berbincang lebih lanjut cara terbaik baginya untuk mengembalikan keamanan di Kemboja.

"Ranariddh memang ingin menghadiri AMM, tetapi mengambil keputusan sebaliknya kerana tidak mahu menggugat perayaan Asean ke-30. Beliau akan datang ke Kuala Lumpur selepas mesyuarat ini selesai," katanya ketika ditemui di Kongres Asean Kedua, pagi ini.

Pegawai yang tidak mahu namanya disiarkan kerana bimbang keselamatan keluarga yang masih berada di Kemboja itu berkata, ketika ini ada lebih 10,000 pengikut Ranariddh di Kemboja dan lebih separuh daripada Menteri Kabinet Kemboja ketika ini melarikan diri ke negara lain kerana bimbang dengan tindakan yang bakal diambil Perdana Menteri Kedua, Hun Sen, yang merampas kuasa sejak dua minggu lalu.

"Saya berada di sini mewakili Ranariddh untuk mendesak pemimpin Asean supaya menyelesaikan masalah ini secepat mungkin bagi mengelak berlaku perang saudara sekali lagi.

"Asean tidak boleh menarik diri sekarang, perjuangan sejak dari awal perlu diteruskan kerana kemelut di Kemboja akan turut mempengaruhi Asean secara langsung dan tidak langsung.

"Thailand dan Vietnam akan berasa bahangnya jika peperangan kembali meletus. Asean tidak boleh menerima dan mengiktiraf Hun Sen kerana dia yang mencetuskan keadaan huru hara yang ada sekarang," katanya.

Beliau juga melahirkan keraguan terhadap janji Hun Sen ketika bertemu wakil Asean yang diketuai Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, di Phnom Penh, minggu lalu, bahawa beliau akan mengadakan pilihanraya Mei depan.

"Semua orang tahu siapa Hun Sen dan dengan sikap yang angkuh dan ganas, serta tidak mahu menerima pandangan orang lain, adakah dia akan menunaikan janji berkenaan sekiranya sejak awal diketahui dirinya akan kalah," kata pegawai terbabit.

Menurutnya, Ranariddh sudah bertemu Dr Mahathir ketika di Paris serta Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, semalam, dan selepas ini akan menyusul bapanya, Puteri Norodom Sihanouk untuk bertemu pemimpin China, minggu depan.

Kemboja dijadualkan menyertai Asean dalam mesyuarat AMM esok, tetapi keanggotaannya ditangguhkan kerana krisis di negara itu.

(END)